

**PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

---

UTHM.PB/100-6/4/1Jld 2 ( 14 )

14 April 2014

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 6/2014**

Semua Pengurus Bahagian  
***Universiti Tun Hussein Onn Malaysia***

Y.Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan

**GARIS PANDUAN TAMBAHAN MENGENAI PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT  
BAGI MENGURANGKAN PERBELANJAAN AWAM DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN  
ONN MALAYSIA**

**1.0 TUJUAN**

Tujuan pekeling ini adalah untuk menjelaskan kepada semua Pengurus Bahagian mengenai Garis Panduan Tambahan Perbelanjaan Secara Berhemat Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Kerajaan melalui Pekeling Perbendaharaan Bil. 2/2014 telah mengambil keputusan untuk melaksanakan 11 langkah bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam bermula 1 Januari 2014 dalam usaha untuk mengamalkan perbelanjaan yang lebih berhemat pada tahun 2014.
- 2.2 Walaubagaimanapun, Universiti melalui Pekeling Bendahari Bil. 8/2008 telah melaksanakan 16 langkah-langkah perbelanjaan berhemat dan juga

telah mengeluarkan 4 garis panduan tambahan bagi perbelanjaan berhemah tersebut melalui Pekeliling Bendahari Bil. 1/2010.

- 2.3 Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa langkah di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2/2014 tersebut telah dilaksanakan oleh Universiti melalui pekeling seperti di para 2.2 di atas iaitu Sewaan Ruang Pejabat, Pengubahsuaian Ruang Pejabat, Penggunaan Syarikat Pengurusan Acara (Event Management), Kelayakan Tiket Penerbangan dan Perjalanan ke Luar Negara, Kos Utiliti Elektrik dan juga yang tidak digunapakai pelaksanaannya di Universiti iaitu Kemudahan Bayaran Tol.

### **3.0 GARIS PANDUAN TAMBAHAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT**

Garis Panduan Tambahan Perbelanjaan Secara Berhemat perlu dipatuhi oleh semua PTJ adalah sepertimana berikut:-

#### **3.1 Elaun Keraian/Imbuan Tetap Keraian**

Imbuan Tetap Keraian bagi pegawai kanan Universiti dikurangkan di antara 5 hingga 10 peratus iaitu 5 peratus bagi Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA)/Gred Khas C, 6 peratus bagi JUSA/Gred Khas B, 8 peratus bagi JUSA/Gred Khas A dan 10 peratus bagi Turus III dan ke atas.

#### **3.2 Pelantikan Perunding**

Pelantikan perunding (*consultant*) untuk projek-projek fizikal kerajaan/Universiti termasuk menjalankan kajian kemungkinan /kesesuaian (*feasibility study*) dan juga perunding-perunding pengurusan yang lain (*management consultant*) hendaklah dikemukakan terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) untuk kelulusan.

#### **3.3 Kain Pemandang (*bunting dan banner*)**

Semua PTj hendaklah mengurangkan penggunaan kain pemandang (bunting dan banner) bagi penganjuran persidangan/

seminar/pameran/mesyuarat/kursus/bengkel/majlis rasmi Universiti dan sebagainya.

### **3.4 Makanan dan Minuman**

Semua PTj hendaklah memastikan penyediaan makanan dan minuman semasa penganjuran persidangan/seminar/pameran/ mesyuarat/kursus/bengkel/majlis rasmi Universiti dan sebagainya dibuat mengikut peraturan Universiti yang sedang berkuatkuasa.

### **4.0 KUATKUASA PEKELILING**

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan perlu dibaca bersama dengan Pekeliling Bendahari Bil. 8/2008 dan Pekeliling Bendahari Bil. 1/2010.

Kerjasama daripada pihak Y. Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkan perkara ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**'DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA'**

Yang benar,



**HJ. MISRO BIN JERUT**

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- s.k
- Y.Bhg. Dato' Naib Canselor
  - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal pelajar dan Alumni)
  - Ketua Unit Audit Dalam